

Tanah mendap resahkan penduduk Raya Permai



CHIEW Lian Keng (depan, kiri) bersama beberapa penduduk meninjau keadaan tanah mendap di kawasan pejalan kaki PPR Raya Permai, Sungai Besi, baru-baru ini.

KUALA LUMPUR 22 Feb.- Penghuni Projek Perumahan Rakyat (PPR) Raya Permai, Sungai Besi di sini kini resah berikutan kejadian tanah mendap di kawasan rekreasi perumahan itu yang menyebabkan laluan pejalan kaki di situ retak dan di bahagian bawah laluan tersebut lompong.

Wakil penduduk, Cheng Yoke Leng, 56, ketika ditemui berkata, tanah mendap itu dipercayai berlaku berikutan hujan yang kerap turun sejak kebelakangan ini.

“Keadaan ini menyebabkan penduduk takut untuk menggunakan taman ini untuk beriadah, malah ada kanak-kanak yang terjatuh dari basikalnya kerana terlanggar rekahan pada laluan pejalan kaki itu,” katanya.

Ketika membawa pemberita ke kawasan yang mendap itu, beliau berkata, kejadian itu dikhuatiri akan merebak sehingga ke Blok B, PPR Raya Permai kerana taman rekreasi tersebut berada bersebelahan dengan blok berkenaan.

Seorang lagi penduduk, Tham

Kwee Wong, 56, berkata, tanah mendap di taman rekreasi tersebut perlu diberi perhatian segera kerana ia boleh merebak ke tempat lain.

“Jika dilihat dari jauh, memang tidak kelihatan ada tanah mendap di taman ini tetapi kalau dilihat dengan lebih dekat akan nampak dengan jelas.

“Saya berharap pihak berwajib ambil tindakan yang cepat kerana kami menggunakan taman ini hampir setiap hari untuk beriadah dan bersenam,” ujarinya.

Sementara itu, Pengerusi MCA Bahagian Bandar Tun Razak, Chiew Lian Keng yang turut melawat kawasan tersebut berkata, pihaknya akan menghantar surat kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

“Memang keadaan ini boleh menjadi lebih teruk jika tidak ditangani segera. Saya harap selepas menghantar surat kepada DBKL dan JPS, mereka akan ambil tindakan segera bagi menangani masalah ini,” katanya.